

BENGKEL ini dihadiri seramai 48 peserta yang merupakan kakitangan dan pelajar USIM.

Platform ilmu media dan perhubungan awam



PENGURUSAN media dan perhubungan awam merupakan bidang penting yang perlu diberi pendedahan kepada masyarakat khususnya golongan belia di negara ini. Ini kerana, kesedaran tentang bidang itu masih dianggap lemah dan mempunyai potensi untuk dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

Sehubungan itu, satu bengkel pengurusan media dan perhubungan awam telah dianjurkan oleh Pusat Komunikasi Strategik, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pada 17 Disember lalu.

Bengkel yang bertempat di Bilik Seminar 2, Pusat Tamhidi itu telah menarik penyertaan seramai 48 peserta yang terdiri daripada kakitangan dan penuntut universiti tersebut.

Antara objektif utamanya adalah untuk mendedahkan input-input penting berkaitan bidang berkenaan. Selain itu, bengkel tersebut memaikan peranan penting dalam memberi latihan tentang pengurusan media dan perhubungan awam kepada para peserta.

Menurut Pengarah Pusat Komunikasi Strategik USIM, Dr. Faizal Kasmani, penganjur bengkel itu selaras dengan pentingnya komunikasi dan media sebagai platform bagi menyampaikan maklumat tentang sesuatu perkara kepada masyarakat umum.

"Sepanjang bengkel ini berlangsung, sebanyak tiga topik utama telah diketengahkan untuk dibincangkan di antara pengamal media jemputan dan peserta.

"Ia termasuk peranan organisasi dalam pengurusan media elektronik, teknik penulisan rencana dan berita serta etika dan aspek undang-undang dalam kewartawanan media sosial dan cetak," katanya.

Sempena bengkel itu, tiga panel berpengalaman



dalam bidang berkaitan telah diundang untuk memberi penerangan dan tunjuk ajar tentang pengurusan media dan perhubungan awam.

Antara mereka yang hadir sebagai panel adalah Ketua Biro Utusan Malaysia di Seremban, Ainol Amriz Ismail, Ketua Biro Berita Harian di Seremban, Ziauddin Sharuddin dan Wartawan Bernama TV, Arfi Ahmad.

Faizal berkata, dia cukup yakin dengan manfaat yang bakal diperolehi peserta menerusi penganjur bengkel yang pertama kali dianjurkan di USIM itu.

"Walaupun pengisian acara padat, namun kami berharap para peserta dapat mengambil peluang ini untuk memperbaiki kekurangan dan menaikkan nama USIM sebagai universiti yang mempunyai prestasi komunikasi dan perhubungan awam yang sistematik dan terbaik," ujarnya. - AL FAIZAL



BENGKEL yang diadakan selama sehari ini turut melibatkan perkongsian ilmu dan maklumat oleh pengamal media berpengalaman di negara ini.